

Tuhan tidak lalai menepati janji-Nya, sekalipun ada orang yang menganggapnya sebagai kelalaian, tetapi Ia sabar terhadap kamu, kerana Ia menghendaki supaya jangan ada yang binasa, melainkan supaya semua orang berbalik dan bertobat. Tetapi hari Tuhan akan tiba seperti pencuri. Pada hari itu langit akan lenyap dengan gemuruh yang dahsyat dan unsur-unsur dunia akan hangus dalam nyala api, dan bumi dan segala yang ada di atasnya akan hilang lenyap.

2 Petrus 3: 9-10

Disember 10, 2023

www.heraldmalaysia.com

# Misa untuk kanak-kanak mangsa perang

TAKHTA SUCI: Satu Misa khas telah diadakan di Roma pada hari Ahad, November 26, untuk semua kanak-kanak yang menjadi mangsa perang yang berkecamuk di Tanah Suci.

Di Gereja San Bernardo, vikaris Penjaga Yerusalem (Custody of Jerusalem) mengetuai Misa peringatan.

"Kami mahu berdoa dan mengingati mereka semua, dari Gaza ke Bethlehem, dari Jerusalem ke Tel Aviv, ke Jenin," kata Fr Ibrahim Faltas.

Lebih 6,000 kanak-kanak telah terbunuh akibat serangan bom di Gaza, dan

jumlah kematian, sudah mencapai lebih dua puluh ribu termasuklah mereka yang tidak diketahui atau hilang di bawah runtuhan

Fr Ibrahim mengeluh, "sangat ramai di antara mereka yang terbunuh itu adalah kanak-kanak, wanita, orang tua dan orang kurang upaya."

Kementerian kesihatan yang dikendalikan Hamas di Gaza berkata angka kematian di Jalur Gaza sejak Oktober 7 ialah lebih 14,800 orang. Angka kematian warga Israel dalam serangan Hamas pada Oktober 7 adalah 1,200. — *media Vatikan* 



# Kita dipanggil untuk berbelas kasihan

AKHTA SUCI: Setelah pulih daripada gejala seakanakan selesema, Sri Paus Fransiskus memimpin doa Angelus dari kediamannya di Casa Santa Marta dan bukannya dari Istana Apostolik.

Prelatus itu dibantu oleh Msgr Paolo Braida, Ketua Pejabat di Sekretariat Negara, yang membaca renungan Sri Paus selepas doa Angelus.


Dalam teks ucapan yang disediakan, Sri Paus mengenang Hari Raya Tuhan Kita Yesus Kristus, Raja Alam Semesta pada hari tersebut serta mengingatkan umat tentang penghakiman terakhir adalah berdasarkan layanan atau penjagaan kita terhadap satu sama lain melalui amal dan belas kasihan.

### Kriteria Syurga vs duniawi

Mengimbas kembali adegan yang diterangkan dalam Injil bahawa Anak Manusia datang bersama-sama malaikat dan duduk di atas takhta dan semua orang di dunia berkumpul di kaki-Nya, dan raja itu menunjukkan, mereka "yang diberkati" adalah sahabat raja kerana mereka adalah orang-orang yang memberi makan orang yang lapar, menjaga orang sakit dan memerlukan, dan menziarahi tahanan.

Menurut Sri Paus, ini sangat berbeza dengan "kriteria dunia" yang menghargai mereka yang mencari keuntungan peribadi, kaya, masyhur dan ditakuti.

"Kriteria dunia" pula lebih memberkati mereka yang berkhidmat kepada yang memerlukan, yang paling lemah, mereka yang memerlukan bantuan kita.



"Ini kerana Anak Manusia adalah Raja yang sangat berbeza dan raja duniawi, Dia adalah sang raja yang memanggil orang miskin sebagai 'saudara', yang mengutamakan orang yang lapar, yang dahaga, orang luar, orang sakit, orang yang dipenjarakan, dan berkata: 'Seperti yang kamu lakukan kepada seseorang

daripada yang paling hina di antara saudara-saudaraku ini, kamu telah melakukannya kepadaku.'

Pada akhir ucapannya, sekali lagi Sri Paus menekankan bahawa mereka "yang diberkati" adalah mereka yang menunjukkan belas kasihan melalui layanan dan tindak balas mereka kepada orang yang memerlukan bantuan dan persahabatan kita, dengan tidak mengabaikan mereka atau menolak mereka, tetapi dengan menyediakan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, dan iringan. Mereka adalah sahabat Raja, kerana mengikuti teladan-Nya melalui "belas kasihan, kelembutan dan keprihatinan". — media Vatikan

# Mengenang Rick Gaillardetz

Tiada kematian yang tidak meninggalkan sesuatu untuk komuniti, demikian kata Mircea Eliade. Apa yang dimaksudkannya adalah sebuah kebenaran bahawa: Jika kita berhenti untuk meraikan, kita akan segera berhenti menghargai.

Dengan itu, saya ingin mengetengahkan apa yang kita raikan, oleh komuniti religius dan sekular, bahawa kita perlu merayakan dan meratapi kematian Richard Gaillardetz baru-baru ini.

Richard, yang dikenali sebagai "Rick", ialah seorang suami, seorang bapa, seorang kawan kepada ramai orang, dan (kebanyakan penilaian orang lain tentang beliau) merupakan ahli eklesiologi terbaik dalam dunia berbahasa Inggeris.

Dia mengajar di Kolej Boston, tetapi memberi syarahan secara meluas di tempat lain, sebagai pensyarah akademik dan sebagai penceramah popular.

Di luar kedudukannya sebagai seorang ahli akademik, dia mempunyai sifat kemanusiaan, kewarasan yang teguh, intelek yang tajam, kemesraan semula jadi, keramahan, dan mempunyai ciri humor yang menjadikannya seorang yang menyenangkan dan stabil untuk berada di sekelilingnya.

Dia membawa aura tenang dan bijak apabila berada di manamana tempat.

Apakah yang dapat dikatakan dari segi sumbangannya? Ada sesuatu yang harus kita tidak siasiakan dan kita harus raikan sebagai teladan serta inspirasi untuk

Banyak perkara yang mungkin dapat ditonjolkan, semuanya positif, tetapi saya ingin memberi tumpuan kepada empat hadiah luar biasa yang dibawa oleh Rick kepada kita.

Pertama, dia seorang ahli teologi yang bekerja secara aktif dalam merapatkan jurang antara akademi dan ahli Gereja.

Rick adalah seorang ahli akademik yang sangat dihormati. Tiada siapa yang mempersoalkan akademiknya.

Meskipun sering menerima jemputan kerana beliau seorang pensyarah popular dalam bidang kerohanian, pada masa yang sama, beliau tidak pernah menyalah guna kesarjanaannya demi populariti.

Mereka yang memahami dan menghormati perbezaan akademi dan Gerejawi adalah sangat jarang (sukar untuk bersederhana tanpa latihan atau semangat) dan risiko yang besar (menjadi penceramah popular biasanya menyebabkan persoalan-persoalan prasangka di kalangan rakan sekerja akademik anda).

Rick mengambil risiko itu kerana dia mahu menggunakan kebijaksanaannya berkhidmat untuk seluruh masyarakat dan bukan di kalangan mereka yang belajar di kelasnya.

Kedua, dia seorang ahli eklesiologi yang menggunakan kesarjanaannya untuk bersatu dan bukannya memecah belah.

Eklesiologi adalah mengenai



Gereja, dan denominasasi merupakan Gereja yang memecahbelahkan kita sebagai orang Kristian.

Perpecahan di kalangan kita sebahagian besarnya terjadi di peringkat Gerejawi.

Namun, Rick mengingatkan kita bahawa dalam kebanyakan perkara, kita sebenarnya bersatu.

Kita berkongsi Yesus; kita berkongsi kitab suci yang sama; kita berkongsi (meskipun caranya berbeza) Ekaristi; kita berkongsi perjuangan yang sama dalam cuba setia kepada ajaran Yesus; dan kita berkongsi banyak perjuangan manusia, moral dan sosial yang sama.

Kerohanian menyatukan kita, tetapi eklesiologi masih memecah belah.

Karya Rick dalam eklesiologi memberi nafas segar kerana ia membantu kita bergerak melangkaui perpecahan berabad-abad.

Dia menyukai denominasinya sendiri, Roman Katolik, tetapi pada masa yang sama, dia menghargai sepenuhnya denominasi lain. Rahsianya?

Dia bukan sahaja melakukan teologi Gereja; dia juga melakukan kerohanian Gereja.

Ketiga, dia adalah seorang lelaki yang mengasihi Gereja, walaupun di dalam cinta itu, dia mengkritik Gereja secara sihat apabila diperlukan.

Saya menghadiri kuliah umum terakhirnya pada September tahun lalu, dan dia memulakan kuliah itu dengan kata-kata ini: Saya seorang Katolik sejak lahir; kemudian Katolik dengan pilihan, dan sekarang Katolik dengan cinta.

Dia menceritakan bagaimana Gereja Katolik adalah cinta terbesar dalam hidupnya dan juga, ia telah membawa kekecewaan dan kesakitan yang berterusan kepadanya.

Dia mencabar kita untuk mengasihi Gereja dan pada masa yang sama, mengkritiknya.

Ini menunjukkan hati yang besar dan fikiran Rick yang bijak. Ada yang boleh mengasihi Gereja dan tidak pernah melihat kesalahannya; orang lain dapat melihat kesalahannya tetapi tidak pernah mencintai Gereja. Rick boleh melakukan kedua-duanya.

Keempat, dia adalah seorang lelaki yang menghadapi kematiannya dengan iman, keberanian, dan maruah yang boleh menjadi paradigma bagi kita semua yang, bahawa pada suatu hari nanti, semua kita akan menghadapi apa yang dia hadapi.

Kira-kira lapan belas bulan yang lalu, Rick telah didiagnosis dengan kanser pankreas terminal. Dia tahu bahawa, tanpa keajaiban, dia mungkin mempunyai kurang daripada dua tahun untuk hidup.

Walau apa pun penderitaan dalaman dan perjuangannya untuk menerima kenyataan itu, semua yang dia katakan, lakukan, dan ajarkan selama lapan belas bulan selepas diagnosis itu menunjukkan iman, kepercayaan, keberanian, dan keprihatinan terhadap orang lain.

Dia menyimpan jurnal pemikirannya dalam tempoh tersebut dan tidak lama lagi jurnal itu akan diterbitkan. Ia akan menjadi hadiah hebat terakhir Rick kepada Gereja dan dunia.

Saya ingin mengakhiri penghormatan ini dengan sedikit kisah humor tentang Rick sendiri. Saya pasti kisah ini dapat menambahkan lagi sedikit warna dalam kita mengenangnya.

Beberapa tahun yang lalu, saya menghadiri syarahan umum Rick di salah sebuah universiti tempatan di bandar ini.

Dia diperkenalkan oleh ahli teologi terkenal, Marianis Bernard J. Lee. Selepas membaca beberapa pencapaian akademik Rick, Lee menoleh kepadanya dan bertanya: "Richard, bagaimana anda berakhir dengan sebutan nama 'Gay-lar-des'?" Walau apa pun ejaan dan sebutannya, Richard Gaillardetz adalah harta karun teologi yang kita hilang terlalu awal. — Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser

# Luruskanlah jalan bagi Tuhan

Yohanes Pembaptis menerima dan mendengarkan sabda Tuhan Penyelamat di padang gurun.

Kerana itu dia mampu mewartakan pesannya secara efektif, sebab pewartaan dan hidupnya adalah satu, tidak berbeza.

Bukankah hambatan yang menghalangi hidup kita ialah perbezaan atau ketidaksesuaian antara suara hati dan perbuatan/ hidup kita? Pertentangan ajaran iman dan pelaksanaan hidup.

Bukankah kita alami sendiri, bahawa kerapkali kata-kata kita, fikiran-fikiran dan perbuatanperbuatan kita tidak sama, bahkan sering bertentangan?

Nah, para Nabi, termasuk Yohanes Pembaptis, memberi pelajaran kepada kita untuk menghindari bahkan menghilangkan segala bentuk kerangkapan palsu, iaitu sikap dan perbuatan bermuka dua.

Hati dalam diri kita yang tidak tampak, tidak sama dengan apa yang kita lakukan secara tampak. Perlakuan kita bukan mencerminkan secara benar suara hati kita!

Di situlah pula terletak makna gambaran dan pengertian biblis/

alkitabiah tentang padang gurun. Padang gurun dalam Kitab Suci dipakai sebagai tempat di mana kita dapat menerima dan mendengarkan dengan lebih jelas suara Tuhan, untuk menemukan jalan-jalan baru dalam hidup kita. Memang "padang gurun" dapat memiliki dua erti yang berlainan, namun berkaitan satu sama lain.

Sepintas lalu memberi kesan sebagai tanah liar, belantara, tak berpenduduk, panas dan serba kering.

Tetapi bagi pengertian Ibrani/ Yahudi padang gurun juga bermakna sebagai tempat suci, di mana sabda Tuhan tidak terhalangi oleh apa pun, dapat didengarkan dan dihayati sepenuhnya.

Dengan demikian kita dapat pergi padang gurun untuk mendengarkan sabda Tuhan secara bebas dan murni.

Dalam padang gurun, para nabi dapat merasa bersama dengan Tuhan, dapat merasa mampu memahami kehendak-Nya, dapat merasakan kebaikan namun juga keprihatinan-Nya, juga kekecewaan namun juga selalu kasih dan belaskasihan-Nya kepada segenap umat-Nya. Inilah keter-

bukaan padang gurun!

Yohanes Pembaptis adalah Nabi Adven. Dia digambarkan sebagai nabi yang mewartakan dan mempersiapkan kedatangan Tokoh yang diharapkan: Yesus Kristus untuk orang-orang sezamannya. Kita terpanggil juga untuk memainkan peranan Yohanes Pembaptis untuk zaman kita sekarang ini. Apa ertinya?

Kita dapat berbuat seperti Yohanes Pembaptis, iaitu mewartakan adanya pengampunan dan keselamatan oleh Yesus Kristus. Tetapi keselamatan memerlukan persiapan.

Nah, pewartaan dan persiapan untuk diselamatkan oleh Yesus itu dapat kita lakukan dengan hidup menurut sabda Tuhan. Ertinya bersedia "hidup di padang gurun", iaitu sungguh mahu dan bersedia mendengarkan sabda Tuhan secara sungguh-sungguh.

Secara konkrit kita hidup menurut ajaran Yesus seperti diajarkan dalam Gereja Katolik. Hidup kita secara kristiani yang utuh, di mana suara hati dan perbuatan kita adalah satu dan sama, bukan berlainan bahkan bertentangan, — itulah pewarta-

## HARI MINGGU KEDUA ADVEN (TAHUN B)

YESAYA 40: 1-5. 9-11;

2 PETRUS 3: 8-14

INJIL MARKUS 1: 1-8.

an dan kesaksian pertaubatan, pengampunan, persiapan untuk keselamatan, yang akan diberikan oleh Yesus Kristus, sebagai Mesias, Penyelamat kita.

Yohanes Pembaptis menegaskan: Aku bukan Mesias. "Membuka tali kasut-Nya pun aku tidak layak!".

Tetapi Yohanes Pembaptis diutus untuk menyiapkan kedatangan-Nya. Kita pun diutus di padang gurun ikut menyiapkan kedatangan Yesus Mesias kepada semua orang.

Bukan di padang gurun di Palestin atau di wilayah Sinai yang luas. Tetapi di padang gurun kecil, iaitu di tengah-tengah kesibukan hidup dan pekerjaan kita sehari-hari.

Marilah di tengah-tengah

kehidupan sehari-hari itu kita tetap mendengarkan Tuhan yang bersabda kepada kita, menunjukkan arah perjalanan hidup kita, dan membimbing kita mendekati hati Yesus, yang kedatangan-Nya sangat kita rindukan.

Yesus datang untuk mengubah dunia dan Dia memulainya dari kehidupan kita.

Roh Kudus, yang adalah agen perubahan, memampukan kita untuk melibatkan diri dalam proses perubahan dunia ini.

Menjadi Pembawa Damai Tuhan juga memerlukan kita untuk mewartakan Khabar Baik — supaya semua bangsa tahu bahawa Yesus datang dan Dia membawa perdamaian bagi dunia, (Mat 28: 19-20). — santapan rohani

# Uskup Cornelius berkati Gereja untuk umat di pedalaman

POHON BATU, Keningau: Komuniti Umat Katolik (KUK) Pohon Batu terletak 126 kilometer dari pekan Keningau telah menerima lawatan pastoral dari Tim Turun Ladang (TTL) Katedral St Francis Xavier (KSFX) pada November 8-10 lalu.

Tim Turun Padang ini merupakan sekumpulan pekerja pastoral yang dianggotai oleh paderi, ahli-ahli Majlis Pastoral Paroki KSFX dan umat awam, bagi menjangkau umat yang tinggal jauh di pedalaman.

Lawatan kali ini diketuai oleh Fr Appolonius Yakis, Pn Nancy Nelly (Pengerusi MPP), beberapa katekis, Seminarian Nakudah (kini diakon) dan umat awam.

Selain memberikan pelayanan sakramen, lawatan terbaharu itu juga bertujuan membantu umat di Pohon Batu mempersiapkan perasmian dan pemberkatan Gereja.

Menariknya, dalam lawatan kali ini, Kerusi Uskup turut dibawa bagi kegunaan



gereja baharu di Pohon Batu.

Pada hari kedua, Fr Appolonius memberikan pelayanan Sakramen Pengakuan dan memimpin Misa Kudus seterusnya TTL membantu umat membuat persiapan untuk upacara perasmian pemberkatan Gereja pada keesokan harinya khususnya dalam latihan liturgi, koir dan memasang khemah.

Hari yang ditunggu-tunggu, November 10, Gereja Sto Paulus Pohon Batu akhirnya diberkati dan dirasmikan oleh Uskup Cornelius Piong. Dalam homilinya, Uskup Cornelius mengucapkan syukur kerana umat di Pohon Batu kerana kegigihan dan ketahanan iman mereka kini direalisasikan dengan bangunan Gereja yang baharu.

"Semoga Gereja ini, digunakan bukan sahaja untuk memuliakan Yesus tetapi sebagai tempat mengeratkan persaudaraan serta persekutuan dan mengalu-alukan mereka yang masih belum mengenal Kristus dan berjalan bersama sebagai sebuah Gereja sinodal," kata Uskup Cornelius Piong. — *Juanis bin Marcus* 

## Pesan Kardinal kepada para seminarian tentang pemuridan

PULAU PINANG: Seminari College General menganjurkan Misa kesyukuran barubaru ini bagi meraikan pengangkatan uskup Pulau Pinang, Sebastian Francis sebagai Kardinal yang juga merupakan presiden College General.

Para pembantu selebran pada hari itu ialah Uskup Agung Metropolitan Kuala Lumpur, Julian Leow, rektor College General, Fr Simon Labrooy dan beberapa paderi dari Pulau Pinang.

Semasa homilinya, Kardinal Sebastian menjelaskan prinsip kerasulan berdasarkan Injil Lukas 14:25-33, Sesiapa yang tidak memikul salibnya dan mengikut Aku tidak



boleh menjadi murid-Ku" yang menyatakan ciri penting pemuridan.

Kemudian, kepada para seminarian, Kardinal Sebastian menekankan bahawa wa-

laupun komitmen mereka kepada pelayanan imamat adalah yang terpenting, namun panggilan asas tetap berakar pada pemuridan.

Berkongsi pengalaman Sinode di Roma bersama Sri Paus Fransiskus, Kardinal Sebastian menyatakan iman tidak mudah goyah kerana Roh Kudus menuntun Gereja dalam bimbingan Roh Kudus untuk Gereja dan sinode, yang juga adalah seruan Sri Paus.

Selepas Misa, Kardinal memberkati patung St John Marie Vianney, Penaung para Paderi, yang dihadiahkan oleh paroki St John Marie Vianney, Tampin kepada komuniti seminari College General.

# Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD 5, Jalan Robertson, 50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:

liza@herald.com.my

# Pertanyaan tentang dua Yohanes

Dalam Perjanjian Baru terdapat beberapa nama Yohanes. Bacaan Injil tentang pembaptisan Tuhan dikatakan dilakukan oleh Yohanes Pembaptis.

Apakah Yohanes Pembaptis sama dengan Yohanes Penginjil? Dan apakah Yohanes Penginjil termasuk dalam dua belas murid Yesus? — Maria

Jawaban: Yohanes Pembaptis dan Yohanes Penginjil adalah dua tokoh berbeza. Yohanes Pembaptis adalah anak Zakharia dan Elisabeth, sedangkan Yohanes Penginjil menujuk salah satu murid Yesus.

Tentang Yohanes Pembaptis, kita dapat membaca kisahnya dalam Injil. Nama "Pembaptis" dipakai sebagai tanda atau nama pengenalannya. Dia dilahirkan sebagai anugerah Tuhan bagi Zakharia, yang sudah tua dan Elisabeth yang mandul.

Tugasnya dalam karya penyelamatan diungkap dalam Kidung Zakharia iaitu, "...berjalan mendahului Tuhan untuk mempersiapkan jalan bagi-Nya, untuk memberikan kepada umat-Nya pengertian akan keselamatan yang berdasarkan pengampunan dosa-dosa mereka, ..." (Luk. 1:76 dst).

Oleh Yesus, Yohanes Pembaptis disebut sebagai yang terbesar dari semua orang yang dilahirkan (Mat. 11:11). Dia disamakan dengan Elia yang datang kembali menjelang datangnya Mesias.

Itulah sebabnya, Yohanes Pembaptis selalu menunjuk pada Yesus. "Ia harus makin besar, tetapi aku harus makin kecil" (Yoh. 3:30). "Aku membaptis kamu dengan air, tetapi Ia akan membaptis kamu dengan Roh Kudus" (Mrk. 1:8).

Kepada murid-murid-Nya, Yohanes Pembaptis menyebut Yesus sebagai "anak domba Tuhan, yang menghapus dosa dunia" (Yoh. 1:29).

Sebagai penyiap jalan Tuhan, Yohanes Pembaptis sangat tegas dan tidak segan menegur dosa orang, termasuk Herodes, raja Yehuda pada ketika itu. Akhirnya, Yohanes Pembaptis wafat dipancung atas perintah Herodes (Mat.14).

### Yohanes Penginjil berbeza dari Yohanes Pembaptis.

Tradisi Gereja percaya, bahawa penulis Injil keempat ini adalah murid Yesus bernama Yohanes. Dia juga dipercayai sebagai penulis surat-surat Kitab Yohanes dan Wahyu.

Dalam deretan Rasul, namanya disebut berdekatan dengan saudaranya, Yakobus, anak Zebedeus (Mrk. 3:16-17, Luk. 6:14) tetapi dalam Injil Yohanes, ia dikenal sebagai "murid yang dikasihi Yesus" (Yoh. 13:23; 19:26; 20:2; 21:7; 21:20).

Dialah yang duduk di kanan Yesus pada perjamuan terakhir (13:23). Bersama Petrus, Yohanes mengikuti Yesus sampai istana

Kayafas (18:15), dan bersama Bonda Maria berdiri di bawah salib (19:26). Akhirnya, dia termasuk saksi pertama kebangkitan yang segera percaya dengan apa yang terjadi (20:8).

Yohanes menulis Injilnya agar semua pendengarnya percaya akan Yesus. Dalam prolog Injil Yohanes, dia meringkaskan identiti asli Yesus, sebagai firman Tuhan, yang pada awal mula, berada dalam dan bersama Tuhan.

Dengan Firman ini, Tuhan menciptakan segala sesuatu. Kini, Firman itu menjadi manusia dan tinggal di tengah milik-Nya, yang semula tidak mengenal-Nya.

Tidak ada orang yang dapat mengenal Tuhan, tetapi Dia yang sejak semula ada di pangkuan Tuhan, Dia-lah yang menyatakan kepada kita siapakah Tuhan itu (1:18).

Injil Yohanes terasa mistik, ertinya menghantar orang pada misteri Yesus. Ungkapan "Aku adalah" menambah kesan itu: Aku adalah Air Hidup, Roti yang turun dari syurga, Terang Dunia, Jalan, Kebenaran, Gembala yang baik, Kebangkitan dan Hidup.

Penulis tidak menuliskan semua yang dilihatnya, tetapi memilih sedemikian rupa untuk mencapai tujuannya.

"Semua yang tercantum di sini telah dicatat, supaya kamu percaya, bahawa Yesus-lah Mesias, Anak Tuhan, dan supaya kamu oleh iman memperoleh hidup dalam nama-Nya" (Yoh. 20:30-31). — Fr Gregorius Hertanto, MSC, hidupkatolik.com

# acion 4

Hello adik-adik,

Apa khabar? Jika adik-adik membaca pembacaan Injil Hari Minggu Adven kedua, adik-adik akan membaca tentang Yohanes Pembaptis yang berseru di padang gurun untuk

mempersiapkan jalan bagi Tuhan. Apa maksud Yohanes? Jalan apa yang patut kita persiapkan? Adakah kita perlu membersihkan jalan ke rumah kita agar Yesus mudah menemui kita?

"Jalan" bukanlah tentang jalan raya tetapi jalan hati kita yang harus bersedia dan terbuka untuk menerima Yesus.


Adik-adik, pada masa Adven ini, mari kita buka hati kita untuk

Yesus, agar damai, sukacita dan berkat-Nya dapat memasuki hati serta tinggal selama-lamanya di dalam hati kita!

Salam Sayang Antie Melly



#### SAMBUNGKAN TITIK-TITIK DI BAWAH DAN WARNAKAN.



Isi tempat kosong dengan huruf yang betul untuk membentuk perkataan berkenaan Santa Perawan Maria.



KHA\_A\_\_ GE\_\_BI\_\_A <= BRRM

\_\_ALA\_\_K\_\_ - <; ATMI

MA\_\_NI\_\_IKA\_\_



Mari Mewarna



Aku membaptis kamu dengan air, tetapi Dia akan membaptis kamu dengan Roh Kudus (Markus 1:8)

# BELIAMIENIUM

# Sri Paus seru belia jadi pendoa tanpa lelah



Gambar kenangan Sri Paus Fransiskus sedang berdoa di Shrine Fatima, Portugal semasa menghadiri WYD 2023.

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menggambarkan golongan muda sebagai "masa kini dan masa depan dunia," serta menjemput mereka untuk menjadi "protagonis sukacita dalam kehidupan Gereja."

Prelatus itu juga menyatakan peringatan Holodomor di Ukraine, iaitu kejadian ngeri pembunuhan beramai-ramai berjuta-juta rakyat Ukraine di bawah Kesatuan Soviet pada tahun 1930-an.

"Tragedi itu adalah luka parah yang sukar sembuh. Luka lama itu terus berdarah disebabkan oleh kekejaman perang yang tidak henti-henti menyebabkan ramai orang menderita," ujar Sri Paus Fransiskus yang merujuk kepada pencerobohan berterusan Rusia terhadap Ukraine.

Bapa Suci menyeru agar doa tanpa henti bagi semua orang yang menderita akibat konflik.

"Doa adalah kekuatan untuk keamanan. Doa menghancurkan lingkaran kebencian, memutuskan kitaran dendam, dan menawarkan jalan perdamaian yang tidak dijangka," tegas Sri paus.

Bersyukur kepada Tuhan atas gencatan senjata

Mengenai Tanah Suci, Sri Paus Fransiskus mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Tuhan atas jeda dalam pertempuran antara Israel dan Palestin, serba pembebasan beberapa tebusan dan tawanan yang dipegang oleh pihak yang berperang.

Bapa Suci terus merayu agar umat beriman terus berdoa agar semua orang dapat dibebaskan secepat mungkin sambil mendoakan keluarga para mangsa yang sedang kerisauan.

Bapa Suci meminta kaum muda berdoa agar lebih banyak bantuan kemanusiaan dapat menembusi Gaza serta menegaskan perlunya dialog. "Mereka yang tidak mahu dialog adalah mereka yuang tidak mahu keamanan," ujarnya.

Semasa artikel ini ditulis, Sri Paus Fransiskus sedang menanti persidangan COP28 yang membicarakan tindak balas global terhadap perubahan iklim, di Dubai pada penghujung bulan Novemher

"Selain perang, dunia kita diancam oleh satu lagi bahaya besar iaitu perubahan iklim, yang membahayakan kehidupan di bumi, terutama generasi akan datang,"

Bapa Suci mengingatkan, kegiatan yang merosakkan alam ciptaan adalah bertentangan dengan rancangan Tuhan, yang mencipta segala-galanya untuk kehidupan."

Walau bagaimanapun, pada November 28, laporan terbaharu dari Vatikan mengumumkan Bapa Suci terpaksa membatalkan perjalanannya ke Dubai akibat jangkitan bronkitis. — *media Vatikan* 



# BELIA MISSION PAITAN, BERSUKACITA DALAM HARAPAN



MISSION PAITAN, Sandakan: 53 orang belia dan paderi merayakan Hari Belia Sedunia pada November 25 lalu.

Para belia menjalani pelbagai aktiviti menarik bersama Fr Arthur John dan Sr Noemi Meija FSIC serta rombongan dari pejabat Kerasulan Belia Keuskupan Sandakan.

Program dimulakan dengan sesi suai kenal dan pengenalan tentang Hari Belia Sedunia yang disampaikan oleh Sdra Jasrin Maisin.

Ini diikuti sesi "Bersukacita dalam pengharapan" (Roma 12:12) iaitu tema Hari Belia Sedunia oleh Sr Noemi.

Dalam program ini juga diselitkan sesi Pujian dan Penyembahan, perkongsian bersama belia, latihan nyanyian koir dan berdoa rosari. Hari Belia Sedunia di Mission Paitan ini diakhiri dengan Misa sempena Hari Raya Besar Kristus Raja, pada November 26. — Jasrin Maisin



LIMBAHAU: "Kalian merupakan harapan yang menyenangkan untuk Gereja dan kemanusiaan seperti yang sampaikan oleh Rasul Paulus, "Bersukacitalah dalam pengharapan" (Roma 12:12), berharaplah kepada Tuhan dan berjalan tanpa lelah," demikian seruan kepada lebih 300 kaum muda paroki Holy Rosary Limbahau dan St Joseph Papar pada petang November 26 lalu, sempena Hari Belia Sedunia peringkat paroki.

Para belia juga mendengar penerangan apa itu Hari Belia Sedunia, mengapa ia dirayakan, siapa pengasasnya dan bagaimana ia dirayakan.

Dalam sesi perkongsian, mereka berkongsi pengalaman mereka tentang "Harapan di dalam Tuhan" iaitu kisah-kisah iman mereka semasa menghadapi pelbagai cabaran.

Bersama Fr Joshua Liew, pembantu paderi paroki Papar, para belia menerima Salib Jubli Belia dan Ikon Bonda Maria serta menyaksikan Mini Konsert yang menampilkan lagu-lagu rohani.

# Supremasi hukum melindungi demokrasi

TAKHTA SUCI: Jika menegakkan undang-undang negara bergantung kepada politik mereka yang berkuasa atau pendapat mereka tentang siapa yang berhak dan tidak layak dilindungi, maka demokrasi dan keadilan terancam, kata Sri Paus Fransiskus.

"Hanya undang-undang boleh menjadi prasyarat yang sangat diperlukan untuk melaksanakan mana-mana kuasa, dan ini bermakna badan kerajaan yang bertanggungjawab harus memastikan penghormatan terhadap kedaulatan undang-undang, tanpa mengira kepentingan politik yang dominan," tulis Bapa Suci dalam pesan

TAKHTA SUCI: Jika menegakkan undang-undang negara bergantung kepada politik mereka yang Pembangunan (IDLO).

IDLO yang melatih dan menjalin rangkaian peguam, ahli undang-undang dan pegawai kerajaan di seluruh dunia untuk memastikan konsistensi dalam mematuhi dan menggunakan undang-undang untuk menggalakkan keamanan dan pembangunan mampan, sedang meraikan ulang tahunnya yang ke-40.

Perayaan ulang tahun ke-40 itu diisi dengan forum yang dianjurkan oleh Kementerian Luar Itali pada November 28.

Bapa Suci menulis kepada kum-

pulan itu bahawa "apabila undangundang berdasarkan nilai sejagat, seperti menghormati peribadi manusia dan perlindungan kebaikan bersama, kedaulatan undangundang adalah kuat, orang ramai mempunyai akses kepada keadilan baharulah masyarakat lebih stabil dan sejahtera."

Prelatus itu juga menyentuh tentang bumi yang semakin terancam. Katanya, "Perubahan iklim adalah isu keadilan antara generasi. Kerosakan planet ini bukan sahaja menghalang kewujudan bersama yang tenang dan harmoni tetapi juga sangat menjejaskan kemajuan komprehensif generasi



Bapa Suci bertemu dengan Jan Beagle, Direktor General IDLO pada Julai 9 lalu. Gambar: Media Vatikan

akan datang."

Oleh itu harus ditekankan keadilan, hak asasi manusia, kesaksamaan dan kesetaraan yang pada asasnya saling berkaitan dengan punca dan kesan perubahan iklim.

Dengan menggunakan pendekatan berasaskan keadilan terhadap tindakan-tindakan iklim, kita boleh memberikan tindak balas holistik, inklusif dan saksama, kata Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan* 

# Sri Paus bertemu para mangsa penderaan dari Perancis

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus bertemu sekumpulan mangsa penderaan dari Perancis di kediamannya pada petang November 28, dengan meyakinkan mereka akan komitmennya untuk menghapuskan penderaan dalam Gereja.

Bapa Suci dijadualkan bertemu kumpulan itu pada hari Isnin tetapi terpaksa ditangguhkan kerana mengalami infuenza dan radang saluran pernafasan (bronkitis).

Pertemuan tersebut dianjurkan oleh Komisi Pengiktirafan dan Pembaikan, sebuah kumpulan yang dibentuk untuk menyokong mangsa penderaan berikutan terbitnya laporan akhir oleh Komisi Bebas Penderaan Seksual dalam Gereja di Perancis pada 2021.

Orang-orang yang bertemu Sri Paus Fransiskus merupakan mangsa Brother Gabriel Girard, ahli Montfort *Brothers of St. Gabriel*, yang mendera mereka pada tahun 1960-an dan 1970-an di Perancis. Bapa Suci berkata dalam mese-



jnya kepada mangsa bahawa beliau memperbaharui "tugas Gereja yang tidak boleh diremehkan untuk merealisasikan dan mengesahkan dasar-dasar perlindungan dan standard profesional dalam pembentukan klerus dan religius, serta persekitaran sekolah kendalian Gereja yang selamat."

Bapa Suci berterima kasih ke-

pada kumpulan itu kerana "keberanian dan ketabahan" mereka serta menekankan bahawa beliau telah menubuhkan Komisi Kepausan untuk Perlindungan Kanak-kanak Bawah Umur bagi melindungi kanak-kanak dan orang lain yang lemah daripada mengalami "kejahatan terbesar". — media Vatikan

## Aktivis peringatkan produk Krismas tidak selamat

MANILA: Kumpulan alam sekitar dan pengguna di Filipina telah memberi amaran kepada pembeli terhadap produk bertema Krismas yang "tidak selamat" dan "tidak disahkan" yang boleh menimbulkan risiko kepada manusia.

"Kempen kami adalah sebagai persediaan untuk musim Krismas. Kami tahu bahawa berjuta-juta pengguna akan membeli lampu dan mainan Krismas. Jadi, kita perlu memastikan bahawa apa yang mereka beli adalah selamat," Robie Jarabo, setiausaha eksekutif *EcoWaste Coalition*.

"Kanak-kanak terdedah kepada tahap plumbum yang tinggi yang sangat berbahaya untuk otak mereka dan boleh mengakibatkan kecerdasan kecerdasan (IQ) rendah, rendah," ujar Robie.

Beliau memetik kajian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mengatakan sekitar satu juta orang, kebanyakannya kanak-kanak, mati setiap tahun akibat keracunan plumbum.



Konferensi para Uskup Katolik Filipina (CBCP) juga mengingatkan umat beriman bahawa makna sebenar Krismas bukanlah pada lampu atau hiasan Krismas.

"Makna sebenar Krismas ialah Kristus sendiri. Oleh itu, jemputan adalah untuk menjadi lebih seperti Kristus, bukan warna atau pencahayaan yang dibawa oleh lampu Krismas ini," kata Uskup Jesse Mercado dari Paranaque, pengerusi Komisi Keluarga dan Kehidupan para uskup. — ucanews.com

# Junta Myanmar rampas katedral

YANGON: Junta tentera di Myanmar, merampas kompleks Katedral Kristus Raja di Loikaw serta memaksa uskupnya meninggalkan katedral.

Kompleks katedral itu dijadikan sebagai perisai peperangan dalam

mereka menentang pasukan pemberontak, kata Uskup Celso Ba

Junta cuba mengawal bandar Loikaw, pusat pentadbiran negeri Kayah, dengan mengambil alih kompleks Katedral Kirtus Raja



Gambar yang diambil pada Mei 24, 2021 menunjukkan sebuah gereja di Loikaw, Kayah yang rosak akibat ditembak oleh junta. Gambar: UCA news.

pada November 27.

Christ the King pada Nov 27. Kompleks katedral itu mempunyai kediaman uskup, pusat pastoral, rumah paderi dan sebuah klinik.

Pengambilalihan itu memaksa Uskup Celso, paderi dan religius terpaksa melarikan diri.

Pada masa itu, kompleks itu mempunyai 82 orang, termasuk 10 paderi, 16 religius dan beberapa pekerja, kata Uskup Celso dalam sepucuk surat yang dihantar sebelum kompleks itu dirampas oleh junta.

Kira-kira 50 askar datang dan menduduki kompleks katedral "untuk menggunakannya sebagai perisai" menentang pasukan pemberontak Karenni.

Junta menganggap pasukan pemberontak akan lemah jika mereka "mencenderakan" tempat keagamaan seperti katedral. Pasukan penentang Karenni, yang membantah kerajaan junta, dipercayai mempunyai ramai penganut Kristian dalam kalangan anggotanya memandangkan populasi Kristian yang ramai di negeri itu.

Kayah, negeri terkecil di Myanmar, juga dikenali sebagai Negeri Karenni, mempunyai kira-kira 300,000 orang, dan kira-kira 45 peratus (91,000) daripadanya beragama Kristian.

Pada malam November 26, junta sengaja menembak Pusat Pastoral, dan kediaman uskup berkali-kali menyebabkan bumbung serta siling bangunan pusat Pastoral run-

Ini menyebabkan Uskup, paderi, religius dan semua penghuni berdekatan terpaksa melarikan diri demi keselamatan. — *ucanews. com* 

## Bapa Suci batal ke Dubai

ROMA: Sri Paus Fransiskus terpaksa membatalkan perjalanannya ke Dubai untuk menghadiri Persidangan Iklim untuk Dunia atau COP-28 kerana mengikut nasihat doktor selepas didiagnos penyakit influenza dan jangkitan saluran pernafasan.

Vatikan mengatakan meskipun Sri Paus tidak dapat menyertai persidangan penting yang dijadualkan pada Disember 1-3 itu secara fizikal, Takhta Suci tetap sebahagian daripada perbincangan tentang krisis iklim tersebut. — media Vatikan

#### Audiensi Umum Sri Paus Fransiskus bersama kaum awam

# Wartakan sukacita Injil kepada komuniti pesimis

renungan yang dipetik dari Ekshortasi Apostolik beliau, Evangelii Gaudium, dalam katekesisnya tentang semangat kerasulan semasa Audiensi Umum hari Rabu pada November 29.

Msgr Filippo Ciampanelli, seorang pegawai Sekretariat Negara, membaca katekesis yang disediakan oleh Sri Paus yang masih dalam proses pemulihan daripada keradangan paru-paru.

Dia memfokuskan pada realiti pewartaan Kristian tentang sukacita yang wujud dalam mesej Kristus.

#### Pesimisme kontemporari

"Setiap hari, kita selalu mendengar perkara buruk diperkatakan misalnya peperangan, perubahan iklim, dan ketidakadilan yang memicu kepada pesimisme kontem-

Bapa Suci berkata kemajuan teknologi dan individualisme adalah gabungan yang menggoda keinginan semula jadi kita untuk mahu menjadi "gah" dan cenderung memikirkan "logik ekonomi yang rakus."

"Pada hari ini juga kita mudah mendapati bahawa kita seperti berada dalam tamadun pertama sejarah yang secara global berusaha untuk mengatur masyarakat manusia tanpa kehadiran Tuhan, kehidupan kita lebih tertumpu kepada kemahsyuran bandar-bandar besar tetapi tidak menawarkan keselamatan abadi Tuhan meskipun dipenuhi bangunan pencakar langit."

Menara Babel adalah gambaran apabila



Sri Paus Fransiksus menyapa para penziarah yang menghadiri audiensi mingguan di Dewan Paul VI, Kota Vatikan, November 29, 2023. Gambar: Media Vatikan.

semakin dahagakan kuasa.

Sebagai tindak balas kepada situasi ini, Sri Paus Fransiskus menawarkan Evangelii Gaudium yang berusaha menjemput Gereja untuk membina budaya kita dengan memahami cara baharu manusia berhubung dengan Tuhan dan satu sama lain.

"Yesus hanya dapat diwartakan dengan memahami atau mempraktikkan budaya zaman sendiri: dan sentiasa mengambil hati kata-kata Rasul Paulus tentang masa kini: 'Lihatlah, sekaranglah waktu yang diperkenankan; lihatlah, sekarang adalah hari penyelamatan'.

Sri Paus menegaskan, Kebenaran men-

kesatuan manusia semakin renggang dan jadi lebih boleh dipercayai apabila kita memberi kesaksian yang selari dengan ke-

> Bapa Suci berpesan, berkata Gereja harus berada di persimpangan penting agar umat Kristian dapat mengisi harapan masyarakat yang pesimis dengan harapan dan kegembiraan Injil.

> "Marilah kita menjadikan keinginan Yesus sebagai keinginan kita sendiri: untuk membantu sesama penziarah agar tidak kehilangan hasrat kepada Tuhan, untuk membuka hati mereka kepada-Nya dan mencari Dia, yang selalu memberi kedamaian dan kegembiraan kepada umat manusia." — media Vatikan

# Mengenal empat jenis pertobatan

emasa musim Adven ini, umat Kristian diajak untuk lebih mendekatkan diri dengan Tuhan. Cara yang paling ampuh untuk lebih dekat dengan Tuhan adalah Pertobatan.

Pertobatan bukan sahaja dengan menerima Sakramen Tobat. Memang, melalui sakramen tobat, kita merefleksikan diri mengenai perbuatan kita yang merenggangkan hubungan kita dengan Tuhan dan

Namun, kita juga harus mengenal bentuk-bentuk tobat yang lain dalam hidup Kristian seperti berikut:

1. Pertobatan Batin: Tobat batin menurut Kitab Suci dan ajaran bapa gereja adalah tiga hal iaitu puasa, doa dan memberi sedekah. Ketiga-tiga hal tersebut sebagai pernyataan pertobatan terhadap diri sendiri, terhadap Tuhan dan terhadap sesama. (Bdk. KGK no 1434)

2. Pertobatan melalui Perbuatan Perdamaian dan Keadilan: Bagaimana dua hal ini berkaitan dengan pertobatan? Katekismus Gereja Katolik no 1435 menjelaskan, — seperti yang dipetik dalam Yesaya 1:17-18, "belajarlah berbuat baik; usahakanlah keadilan, kendalikanlah orang kejam; belalah hak anak-anak yatim, perjuangkanlah perkara janda-janda!

Marilah, baiklah kita berperkara! -firman TUHAN-Sekalipun dosamu merah seperti kirmizi, akan menjadi putih seperti salju; sekalipun berwarna merah seperti kain kesumba, akan menjadi putih seperti bulu domba.

Maka, apa yang diserukan nabi Yesaya itu adalah perjuangan demi keadilan dan perdamaian adalah sebahagian dari pertobatan dalam hidup sehari-hari.

#### 3. Ekaristi dan Pertobatan

Setiap kali kita mengikuti perayaan Eka-



risti, kita menerima pengampunan dosa. Mengapa? Dijelaskan dalam KGK "Pertobatan dan penebusan dosa setiap hari menemukan sumbar dan makanannya di dalam Ekaristi, kerana di dalamnya korban Kristus yang mendamaikan kita dengan Tuhan dihadirkan." (KGK, no 1436).

Dengan demikian janganlah malas atau menghindarkan diri untuk mengikuti Misa Kudus kerana di situlah kita mendapat pengampunan dosa. Tuhan Yesus sendiri mengatakan diri kepada kita, "Inilah tubuhku, inilah darahku," sebagai penebusan atas dosa kita.

Dengan iman yang teguh kita berseru, 'Tuhan, saya tidak pantas Tuhan datang kepada saya, tetapi bersabda lah saja maka saya akan sembuh."

4. Pertobatan Ekologi: Sri Paus Fransiskus mengatakan, "Kita sudah lupa menghormati dan merawat, termasuk merawat sesama." Melalui Ensiklik Laudato Si (2015), Sri Paus juga mengajak semua untuk menjadi "perawat dan penjaga karya Tuhan" (LS 218). Kerana ini adalah perintah Tuhan maka tanggung jawab merawat bumi adalah wujud dasar spiritualiti.

Tegasnya kejahatan terhadap alam adalah dosa terhadap diri kita sendiri dan dosa terhadap Tuhan" (LS 8).

Manusia sebagai sedar bahawa mereka bukan Tuhan dan tidak boleh sesuka hati, tanpa rasa bersalah, merosak bumi ini. Maka, pertobatan ekologis harus integral, kerana manusia bukan hanya perlu harmoni dengan diri, tapi juga dengan ciptaan lainnya. — Aleteia/KGK

PENULIS BERKICAU

# Mencabut akar beracun

Hari Antarabangsa Untuk Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita sebenarnya telah berlalu kira-kira dua minggu lalu.

Namun, saya tetap terpanggil untuk menulis akan perkara ini kerana memikirkan isu ini tidak

Lebih-lebih lagi, saya sering berjumpa dengan wanita dan kanak-kanak perempuan yang ada kaitan dengan keganasan terhadap golongan ini. Perasaan geram berbaur benci serta rasa nak sepak terajang sahaja kepada si pelaku.

Kaum wanita lebih terdedah kepada keganasan berbanding lelaki walaupun lelaki juga ada menjadi mangsa kepada keganasan wanita tetapi nisbahnya terlalu kecil dan kesan tindakan tersebut terhadap mereka adalah sedikit.

Perbuatan penganiayaan yang terjadi adalah suatu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan dalam pelbagai cara sama ada secara fizikal atau mental.

Sebenarnya isu keganasan terhadap golongan ini meliputi semua bangsa, agama, pendapatan, kelas dan budaya. Keganasan terhadap wanita boleh diertikan sebagai apa-apa tindakan keganasan yang berdasarkan gender yang mengakibatkan atau kelihatan boleh mengakibatkan kecedaraan fizikal, seks atau psikologi atau mengakibatkan penderitaan kepada wanita.

Tindakan ini juga meliputi ugutan untuk melakukan perkara tersebut, paksaan atau perbuatan menyekat kebebasan, sama ada berlaku dalam kehidupan persendirian atau awam. Tindakantindakan keganasan yang lain terhadap wanita juga termasuk pelanggaran hak-hak kemanusiaan wanita terutamanya pembunuhan, perogolan terancang, perhambaan seks dan penghamilan tanpa kerelaan.

Sri Paus Fransiskus dalam catatannya di X (dahulunya Twitter) baru-baru ini mengatakan, "Keganasan terhadap wanita adalah rumpai beracun yang melanda masyarakat kita dan mesti dicabut dari akarnya!"

"Akar-akar ini tumbuh dalam tanah prasangka dan ketidakadilan; ia harus dilawan dengan tindakan pendidikan yang mengajar untuk menghormati maruah dan maratabat manusia," tegas Sri Paus.

Menurut data PBB terkini, di seluruh dunia, lebih 700 juta wanita — hampir satu daripada tiga — telah mengalami keganasan fizikal dan/atau seksual pasangan intim, keganasan seksual bukan pasangan atau kedua-duanya, sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka.

Fenomena ini telah diburukkan lagi oleh kesan pasca-pandemi, konflik dan perubahan iklim.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Dikasteri untuk Kaum Awam, Keluarga dan Kehidupan iaitu Kardinal Kevin Farrell, mengulangi komitmen Gereja Katolik untuk memerangi dan mencegah keganasan jantina dan menawarkan sokongan kepada mangsa misalnya menyediakan tempat tinggal yang selamat untuk mangsa keganasan, sokongan psikologi dan rohani supaya untuk membantu mangsa sendiri mengatasi trauma dan melaporkan penderaan itu.

Ini adalah tanggungjawab pastoral, di mana Gereja adalah sarana kedamaian dan membantu mereka yang teraniaya!

#### KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

# Mingguan Katolik

Bagi Orang-orang kurang upaya: Kita berdoa agar orang kurang upaya sentiasa diperhatikan dalam masyarakat dan institusi yang boleh menawarkan program inklusif yang menghargai penyertaan aktif mereka.

**Disember 10, 2023** 


# Keuskupan Pulau Pinang melebarkan khemahnya

PULAU PINANG: Semasa Perhimpunan Pastoral Keuskupan Pulau Pinang pada November 18 lalu, Kardinal Sebastian Francis dalam ucaptamanya mengatakan, "kita adalah rakan sekerja Tuhan, rakan sekerja di ladang Tuhan, bangunan Tuhan; kamu adalah bait Tuhan tempat Roh Tuhan bersemayam." (1 Kor 3:9-10, 16-17)

Dengan tema, "Melebarkan Khemah" lebih 300 perwakilan dari pelbagai paroki dan pelayanan berkumpul di Gereja Immaculate Conception. Perhimpunan itu berfungsi sebagai persediaan untuk Pastoral Malaysia yang akan datang Konvensyen (MPC) pada 2026.

Kardinal Sebastian mengatakan "melebarkan khemah" merupakan tanda kesegatan Gereja kita yang dinyatakan pada hari Pentakosta oleh kesatuan orang-orang dari semua bahagian dunia.

Kardinal itu juga menekankan tentang kesinambungan misi di Keuskupan Pulau Pinang, yang memulakan pembaharuan Gereja Semenanjung Malaysia melalui Aggiornamento pada tahun 1976 dengan Konvensyen Pastoral Semenanjung Malaysia (PMPC).



Katanya, melalui PMPC banyak bidang tumpuan yang dikenal pasti yang menunjukkan bahawa khemah-khemah Gereja harus terus diperluas untuk menjadi inklusif kepada semua orang. Sepanjang separuh tahun 2023, paroki-paroki di keuskupan telah menjalankan perhimpunan pastoral masing-masing dengan menggunakan kaedah SEE-JUDGE-ACT dalam mengenal pasti pelbagai cabaran dan situasi yang dihadapi

Penemuan ini kemudiannya dibentangkan di perhimpunan oleh Iruthaya Das dan Aaron Lim, dengan tujuan membantu perwakilan memahami realiti semasa dan demi pembinaan komuniti serta mencari penyelesaian konkrit.

Keluarga – Keluarga Katolik secara amnya, harus menjalankan peranan mereka sebagai Gereja domestik dalam mempromosikan cara hidup Kristian holistik, serta menghadapi cabaran pemisahan seksualiti dan prokreasi. Mereka juga mesti sedar tentang kemerosotan materialisme dan menyedari panggilan mereka untuk menyokong kehidupan sosial dalam semua aspek.

Masyarakat – Terdapat keperluan untuk menangani nilai-nilai sekular yang cuba menghalang nilai-nilai suci berdasarkan Injil, serta jurang pendapatan yang mewujudkan banyak perbezaan di kalangan rakyat termasuk jurang antara golongan muda dan tua. Kecenderungan masyarakat negara yagn terlalu mempromosikan keunggulan kumpulan majoriti, menjadikan iman Katolik semakin mencabar.

Ekologi - Bencana alam sekitar khu-

susnya yang berlaku di negara kita seperti banjir kilat dan tanah runtuh juga telah menyebabkan ketidakadilan sosial, serta tabiat gaya hidup yang tidak berubah membawa kepada pencemaran berterusan dan pelaksanaan dasar hijau yang tidak berkesan. Semua orang harus mengambil bahagian untuk memastikan amalan seperti menurunkan jejak karbon dapat dikekalkan.

Gereja – Cara kita bersaksi haruslah menjadi misi peribadi yang menjadi pemudah cara pertemuan antara manusia dan Tuhan, dan menjadikan kepelbagaian agama di negara ini sebagai peluang penginjilan. Pemerkasaan iman umat dapat membantu mereka menjadi penggerak pertumbuhan masyarakat, dan digitalisasi tidak dapat menggantikan sentuhan peribadi iman dan mengalami Tuhan.

Perhimpunan Pastoral ini diakhiri dengan seruan Kardinal Sebastian semasa Misa Kudus penutup: "Marilah kita bergerak menuju Gereja sinodal yang dipimpin oleh Roh Kudus, dan saya berharap bahawa anda akan mengalami semua khemah ini; dan Gereja akan terus melebarkan ruang khemahnya.

# Panggilan melayani berakar dari rahmat pembaptisan

dahnya, apabila saudara-saudara tinggal bersama dengan rukun dalam Perpaduan" (Mazmur 133) menjadi lagi tema rasmi Perhimpunan Pastoral Keuskupan Sibu telah dilancarkan dalam perhimpunan yang dihadiri 133 umat pada November 24-25 di Pusat Pastoral Sibu Kemuy-

Dalam ucapan alu-aluannya, Uskup Joseph Hii menyeru semua perwakilan untuk "Merayakan Sakramen Pembaptisan" masing-masing yang juga merupakan tema Perhimpunan Pastoral Sibu. "Pembaptisan adalah identiti umum kita yang menjadikan kita anak-anak Tuhan dan menjadikan kita saudara dan saudari sesama."

12 paroki dan seorang religius membentangkan laporan masing-masing yang mereka terima pada tahun lalu sempena

SIBU: "Sungguh, alangkah baiknya dan in- Jubli 2025 dan Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.

> Perhimpunan itu juga menyaksikan 10 kumpulan dalam tiga sesi untuk mempraktikkan "Perbualan Rohani", sebuah konsep yang diperkenalkan oleh Sinode tentang Sinodaliti.

> Perhimpunan diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Joseph Hii, Vikaris General Msgr. Michael Lee dan Fr Alphonsus Tan serta para paderi dari Keuskupan Sibu. Dalam homilinya, Uskup Joseph Hii mengulangi bahawa melalui pembaptisan, kita diseru menyebarkan iman kita. Beliau mengingatkan ibu bapa tentang panggilan pembaptisan mereka bahawa mereka harus menjadi katekis pertama anak-anak mereka. Beliau turut mengingatkan semua paderi dan pemimpin awam agar menjalankan tanggungjawab kepimpinan mereka dengan sikap

Terutama apabila bekerja dan melayani bersama belia, "ia memerlukan kita berada sama tahap dengan mereka. Jangan ajar mereka tetapi berjalanlah bersama mereka. Kurangkan bercakap, banyakkan mendengar."

Jika tidak, golongan muda akan menutup diri mereka kepada kita, yang secara tidak sengaja menjadi penghalang mereka untuk menemui Kristus.

Apabila hidup dalam komuniti dengan saudara seiman dalam Kristus, bantulah satu sama lain untuk menemui Tuhan melalui pengampunan dan belas kasihan.

Di atas segalanya, biarlah Roh Kudus membimbing kita. Perhimpunan seperti ini memberi peluang untuk mendengar dan mendalami panggilan Roh Kudus," pesan Uskup Joseph.

Perhimpunan Pastoral Wilayah Sarawak dijangka diadakan pada Sep-



## Friar Arul **S.Mariadass** kembali ke rumah Bapa

KOTA KINABA-LU: Umat Katolik di Sabah terkejut dengan pemergian tiba-tiba seorang Fransiskan, Friar Friar Arul Sagayaraj A/L Mariadass OFM pada November 28.



Menurut para Friar yang tinggal di Il Cantico Friary, Kota Kinabalu, Sabah, Friar Arul baharu sahaja kembali dari Kuching selepas menghadiri pertemuan dengan para Friar di sana.

Ketika kembali ke kediaman para Friar OFM di Kota Kinabalu pada November 27, beliau kelihatan ceria. Malangnya pada pagi November 28, Friar Arul telah menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Jenazah Friar Arul telah dibawa ke Hospital Queen Elizabeth untuk dibedah siasat kemudian dibawa ke Gereja St Micheal untuk upacara Wake selama dua hari dua

Jenazah Friar Arul kemudiannya dibawa ke paroki asalnya, *Risen Christ*, Air Itam, Pulau Pinang dan Misa Kudus Pengebumian diadakan pada Disember 5. Friar Arul baharu sahaja melayani di Paroki Limbahau dan Papar sejak Februari tahun ini.

Dilahirkan pada Februari 9, 1963, Friar Arul juga sempat merayakan ulang tahun kepaderiannya yang ke-26 pada Ogos 18, bersama tiga paderi lain.

Beliau akan sentiasa dikenang khususnya umat Katolik sekitar Papar, Limbahau dan Kota Kinabalu, sebagai Friar yang mudah bergaul, menyayangi kanak-kanak, merendahkan diri dan pengkhutbah yang baik.